

08 MAR 2001

Thailand-Malaysia

BANGKOK MENYAMBUT BAIK USAHA KL BAWA PERDAMAIAN DI YANGON

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Thailand hari ini memuji usaha Malaysia untuk membawa perdamaian di Myanmar, kata Menteri Luar Thailand Dr Surakiart Sathirathai.

Beliau berkata, Thailand menganggap inisiatif Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan wakil khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar Tan Sri Razali Ismail sebagai langkah positif dalam mengembalikan keamanan di negara itu.

Dr Mahathir melawat Myanmar pada Januari lepas dan mengadakan perbincangan dengan Jeneral Kanan Than Shwe, selaku pengerusi Majlis Kemanan dan Pembangunan Negara mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perbicangan bersama rakan sejawatan beliau di Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar, di Wisma Putra di sini, Dr Surakiart berkata Thailand sedia membantu dengan apa cara pun dalam proses itu.

Usaha-usaha untuk mencapai perdamaian di negara yang diperintah oleh junta tentera diketuai oleh Razali ekoran resolusi perhimpunan agung PBB pada 1999, yang menyeru kerajaan Myanmar untuk menghentikan sebarang pencabulan hak asasi manusia dan mengambil langkah-langkah untuk membawa negara itu ke alam demokrasi.

Dr Surakiart yang berada dalam rangka lawatan sehari ke Malaysia sebelum itu menemui Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Mengenai hubungan dua hala, Dr Surakiart menganggapnya sebagai penting atas hakikat kedua-dua negara adalah jiran terdekat.

Beliau juga berkata, Thailand berpegang kepada prinsip tidak campurtangan di bawah konteks Asean.

Sementara itu, ditanya sama ada bekas presiden Filipina Joseph Estrada memohon suaka politik di Thailand, Dr Surakiart berkata: "Jika ada apa-aa permintaan, ia pasti mengejutkan saya."

"Saya dimaklumkan yang kerajaan Filipina tidak mahu bekas presiden itu meninggalkan negara berkenaan," katanya.

Mengenai perbincangan bersama Syed Hamid, beliau berkata mereka membincangkan pelbagai isu dan menekankan perlunya kerjasama yang lebih antara negara-negara Asean dan Asia Timur.

Asean dianggotai oleh Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

DC ES PR